

1984

NEW YORK, 11 OKT. (BERNAMA) --AMERIKA SYARIKAT TIDAK BERSETUJU DENGANPENDAPAT MALAYSIA MENGENAI ANTARKTIKA SEPERTI YANG DISUARAKAN OLEH PERDANAMENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM UCAPAN NYA DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-39 BANGSA-BANGSA BERSATU (BB) DI SINI SEMALAM.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN PERKARA INI KEPADA PARA PEMBERITA APABILA DITANYA TENTANG REAKSI PENOLONG SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT ENCIK PAUL WOLFOWITZ TERHADAP UCAPAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEMUI ENCIK WOLFOWITZ SELEPAS SELESAI BERUCAP. BELIAU JUGA MENGUNJUNGI SETIAUSAHA AGUNG BB ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR DIIRINGI OLEH MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DAN WAKIL TETAP MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU TAN SRI ZAIN AZRAAI.

MALAYSIA MEMBANGKITKAN SOAL ANTARKTIKA DENGAN SEMANGAT UNTUK MEMBINA DAN BUKAN MEMUSNAHKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PERHIMPUNAN AGUNG ITU.

MALAYSIA JUGA TIDAK MENYANGKAL KEBAIKAN DARIPADA SISTEM PERJANJIAN ANTARKTIKA YANG ADA SEKARANG TETAPI BERPENDAPAT ANTARKTIKA HENDAKLAH MENJADI WARISAN SELURUH UMAT MANUSIA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENCADANGKAN PENUBUHAN SEBUAH JAWATANKUASA KHAS MENGENAI ANTARKTIKA.

MALAYSIA YAKIN JAWATANKUASA SEUMPAMA ITU SEHARUSNYA MELANJUTKAN PERBINCANGAN YANG BERLANGSUNG DI PERHIMPUNAN AGUNG ITU DAN MENELITI PERKARA TERSEBUT SECARA LEBIH MENDALAM.

DENGAN CARINI DAPATLAH DICAPAI KATA SEPAKAT MENGENAI OBJEKTIF SATU REJIM DI ANTARKTIKA DAN JENTERA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU.

PADA KESELURUHANNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MENJANGKA BB AKAN MENGUBAH SIKAP NYA SELEPAS UCAPAN ITU TETAPI BELIAU PUAS HATI DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MENJADIKAN PERTUBUHAN DUNIA ITU LEBIH BERKESAN.

BELIAU JUGA TIDAK MENGHARAPKAN AKHBAR-AKHBAR NEW YORK MEMBUAT LIPUTAN TENTANG UCAPAN NYA ITU TETAPI BAGAIMANA PUN MENJADIKAN BB SEBAGAI SATU FORUM SUPAYA PARA PERWAKILAN TAHU TENTANG PENDIRIAN MALAYSIA MENENAI POLITIK, EKONOMI DAN PERKARA-PERKARA LAJN DI DUNIA.

APABILA DIMINTA MEMBERIKAN NAMA-NAMA PERTUBUHAN YANG BERKAITAN DENGAN PENDEDAHANNYA BAHAWA TERDAPAT REAKSI BARAT YANG DIPENGARUHI OLEH ZONIS TERHADAP KEBANGKITAN ISLAM, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMBUAT KENYATAAN ITU SECARA UMUM.

MENJAWAB SATU SOALAN LAIN BELIAU BERKATA +HAKIKAT BAHAWA HAMPIR SEMUA KUASA BESAR MEMPUNYAI CARA SENDIRI BAGI MENYELESAIKAN MASALAH PALESTIN ADALAH SATU CONTOH WUJUDNYA PUK-PUK DI LUAR PERTUBUHAN DUNIA ITU YANG CUBA MENYELESAIKAN MASALAH DUNIA DENGAN MEMBELAKANGKAN BANGSA-BANGSA BERSATU.+

PERDANA MENTERI JUGAMENYAKUI BAHAWA DARI SATU SEGI BELIAU TELAH MENKRITIK AMERIKA DAN EROPAH APABILA BELIAU MEMBIDAS NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN KERANA HANYA MELEPASKAN BATUK DI TANGGA DAN MELAUNG-LAUNGGAN COGANKATA KOSONG APABILA MEREKA MEMBINCANGKAN PERDAGANGAN BEBAS.

PERDANA MENTERI SEMASA SETIAUSAHA AGUNG ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR MEMBINCANGKAN RAYUAN MALAYSIA KEPADA MASYARAKAT DUNIA SUPAYA PENCEGAHAN PENGEDARAN DADA HDI JADIKAN MASALAH ANTARABANGSA.

SELEPAS ITU PERDANA MENTERI DALAM SATU UPACARA RINGKAS MENYAMPAIKAN ANUGERAH DARJAH PANGLIMA SETIA MAHKOTA KEPADA WAKIL TETAP MALAYSIA KE BB TAN SRI ZAIN AZRAAI YANG DISKURNIAKAN OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SEMPENA HARI KEPUTERAAN BAGINDA BARU-BARU INI. --BERNAMA